

Strategi Pendidikan Bahasa kepada Murid Pekak

MEMBACA itu jendela ilmu yang membawa maksud seseorang yang banyak membaca akan banyak ilmunya. Hal ini diibaratkan seseorang yang berada di dalam rumah yang tidak membuka jendela, pasti fikirannya sempit dan jika luas, pemikirannya hanya seluas ruang yang berada di dalam rumahnya. Namun demikian, apabila orang tersebut membuka jendela, pasti beliau dapat melihat pemandangan sama ada dari kanan ke kiri ataupun dari kaki langit ke kaki bukit.

Pastinya, seseorang akan berasa takjub dengan pelbagai pemandangan yang berada di hadapan matanya. Begitulah, diibaratkan jika seseorang membina tabiat membaca. Itulah yang dimaksudkan dengan ungkapan “membaca jendela ilmu”. Situasi ini kurang berlaku dalam kalangan orang pekak kerana kajian menunjukkan kebanyakan orang pekak lemah dalam kemahiran membaca.

Orang yang banyak ilmu boleh menyampaikan dan berkongsi ilmunya melalui pelbagai cara. Penulisan dan memberikan ceramah adalah antara cara yang berkesan. Kebanyakan murid pekak kurang menguasai kemahiran membaca dan menulis. Hal ini berlaku kerana kemahiran membaca dan menulis merupakan kemahiran yang sukar bagi murid pekak.

Beberapa strategi yang dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada murid pekak adalah seperti berikut:

(a) Amalan menggunakan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) dalam komunikasi rasmi seperti semasa pengajaran dan pembelajaran. BMKT ialah kod isyarat bagi mewakili kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, penggunaan BMKT sebagai alat komunikasi untuk pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan murid pekak perlu diperkasakan. Di samping itu, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), iaitu isyarat yang digunakan oleh orang pekak perlu digunakan sebagai “isyarat” sampingan bagi memudahkan murid pekak belajar melalui BMKT.

Sebagai perbandingan, bahasa Melayu dapat digunakan bagi memudahkan murid biasa belajar bahasa Inggeris. BIM digunakan secara minimum bagi membantu murid memahami sesuatu yang sukar difahami apabila disampaikan melalui BMKT. Guru yang mahir dalam pengajaran dan pembelajaran selalunya tahu kesesuaian masa bahasa ibunda atau bahasa pertama yang dapat

digunakan bagi memudahkan muridnya belajar bahasa kedua. Dalam konteks ini, BIM merupakan bahasa pertama bagi murid pekak.

- (b) Penglibatan ibu bapa dan ahli keluarga, iaitu menggalakkan ibu bapa dan ahli keluarga menggunakan BMKT semasa berkomunikasi dengan anak pekak. Anak pekak juga perlu didedahkan dengan penggunaan bahasa “canggih” bagi menyatakan buah fikiran mereka. Dalam konteks makalah ini, bahasa “canggih” merujuk bahasa Melayu yang diajar secara isyarat kepada murid pekak. Melalui penggunaan individu yang berada di sekeliling murid pekak memudahkan murid pekak mahir dan memahami dengan lebih cepat melalui BMKT. Mereka mampu menulis dengan menggunakan tatabahasa yang betul dan juga mampu memahami bahasa Melayu yang dibaca.
- (c) Persekitaran berbahasa memberangsangkan, iaitu persekitaran yang membolehkan murid pekak belajar, menguasai dan menggunakan bahasa Melayu yang betul. Hal ini dapat dilakukan dengan menyediakan bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang pelbagai genre dan peringkat. Bahan audio visual serta teknologi maklumat dan komunikasi perlu digunakan bagi memudahkan murid pekak belajar dan memahami perkara yang sukar dan kompleks.
- (d) Pendekatan mengalami dan menghayati bahasa, iaitu pengajaran dan pembelajaran bahasa berdasarkan murid mengalami melalui pelbagai deria terhadap kata, pembentukan kata dan

ayat. Membina karangan berdasarkan konteks situasi mengalami dan menghayati juga dapat meningkatkan kualiti penulisan karangan.

- (e) Pendekatan kontrastif (banding beza), iaitu mengajak dan mengajar pelajar membuat banding beza antara BMKT dengan BIM bagi mendapat kefahaman terhadap apa-apa yang ditulis. Pelajar dapat membezakan perbezaan dari segi pembentukan kata dalam bahasa Melayu yang melibatkan pelbagai imbuhan, pelbagai jenis kata pemajmukan dan pengandaan. Begitu juga dari segi pembinaan ayat. Mereka perlu didedahkan tentang perbezaan susunan kata dalam pembentukan ayat dalam bahasa Melayu dan BIM. Melalui aktiviti beza banding ini dapat menyedarkan murid pekak bahawa susunan kata dalam pembentukan ayat dalam bahasa Melayu berbeza daripada BIM.
- (f) Pendekatan analisis kesilapan, iaitu membuat cerakinan punca kesilapan yang berlaku pada pembentukan kata, pembinaan ayat dan penulisan karangan. Punca kesilapan dikenal pasti dan penambahbaikan dilakukan bagi meminimumkan kesilapan.
- (g) Pendekatan dari Atas ke Bawah, iaitu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang dimulai dengan ayat dan dicerakinkan kepada klausa, frasa dan kata bagi membolehkan mereka melihat hubungan kata dengan kata bagi membentuk ayat yang bermakna.
- (h) Pendekatan dari Bawah ke Atas, iaitu pengajaran dan pembeajaran bahasa

yang bermula dengan kata dan dikembangkan kepada frasa, klausa dan ayat bagi membolehkan mereka mengembangkan idea melalui penulisan bahasa Melayu.

Oleh itu, belajar bahasa Melayu bukan sesuatu yang mudah bagi murid pekak. Ketidakmampuan mendengar tidak boleh dijadikan alasan untuk membiarkan mereka berada dalam “buta huruf” kerana bahasa Melayu boleh dipelajari melalui isyarat seperti murid buta mempelajari bahasa Melayu melalui titik timbul atau Braille. Memahami sebab-musabab yang membawa kesukaran memberikan keinsafan kepada kita bahawa terdapat pelbagai cara dapat digunakan bagi membantu murid pekak menguasai bahasa Melayu.

Di samping menukarkan pendekatan berasaskan murid biasa kepada pendekatan yang dicadangkan, para guru juga digalakkan meneroka pendekatan baharu berasaskan penemuan berdasarkan pengalaman. Kreativiti dan inovasi dalam pengajaran bahasa Melayu kepada murid pekak sangat diperlukan. Kita tidak boleh berharap guru daripada “aliran lain” untuk membantu dalam pengajaran bahasa Melayu kepada murid pekak kerana murid pekak sangat “ajaib” dan keajaiban itu hanya dirasai oleh guru yang mengajar mereka. Kita juga perlu mengubah persepsi daripada mengatakan “orang pekak cacat” kepada “orang pekak pengguna bahasa lain”, iaitu bahasa melalui tangan.

Tanggapan yang mengatakan murid pekak “lemah” perlu ditolak kerana mereka mampu mengeja ribuan perkataan tanpa mendengar dan tanpa berdasarkan suku kata. Kejayaan sebilangan pelajar pekak perlu dijadikan contoh kepada murid yang sedang belajar dan meniup semangat kepada guru yang sedang mengajar. **PB**